

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2024

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

Status sosioekonomi bumiputera masih terperangkap kelas menengah

Status sosioekonomi bumiputera masih terperangkap kelas menengah

PUTRAJAYA - Status sosioekonomi masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana antara isu yang terus membelenggu bumiputera.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, penyertaan bumiputera juga dilihat lebih tertumpu dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah rendah.

"Ia secara tidak langsung telah menyebabkan jurang pendapatan dan kekayaan antara etnik semakin melebar," katanya pada Isnin.

Ujar beliau, antara faktor utama adalah berkait dengan ketidakupayaan bumiputera untuk menyumbang secara lebih bermakna kepada ekonomi negara selain hasrat kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera belum tercapai sepenuhnya.

"Perusahaan bumiputera dilihat mempunyai kurang keupayaan dan kemampuan untuk mencipta nilai serta mengembangkan perniagaan apabila sebahagian besar daripada perusahaan ini bersaiz mikro dan kecil.

"Keterbatasan modal dan sokongan pada peringkat awal terutama syarikat pemula, turut menjadi faktor kepada isu ini yang seterusnya menyebabkan kebergantungan berterusan kepada geran dan pembiayaan



RAFIZI

kerajaan," jelas Rafizi.

Menurutnya, bumiputera hanya mewakili tujuh peratus daripada syarikat tersenarai awam sehingga tahun 2022 iaitu 62 syarikat daripada 945 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia.

Dalam aspek penyertaan tenaga buruh pula, kadar pengangguran dalam kalangan bumiputera masih

tinggi.

Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2022, bilangan bumiputera yang menganggur mewakili 387,800 orang atau 61.5 peratus daripada jumlah keseluruhan 630,400 orang yang menganggur.

"Sebanyak 70.8 peratus bumiputera yang menganggur adalah daripada kumpulan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun," katanya.

Ujar Rafizi, bumiputera mempunyai peluang dan potensi untuk memainkan peranan lebih bermakna dalam sektor dan industri baharu yang mempunyai nilai ditambah tinggi, termasuk Industri Pertumbuhan Bernilai Tinggi (HGTV).

"Hari ini kita akan berpeluang untuk diperkenalkan hala tuju baharu pembangunan ekonomi bumiputera, (PuTERA35) sebagai satu langkah proaktif untuk mengangkat darjat dan martabat bumiputera," katanya.